

## **Tahap Kesediaan Pengetahuan Dan Kemahiran Amali Guru-Guru PKPG Sekolah Rendah Mengajar Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah.**

Azlina Mohd Kosnin & Mazlifah Che Ahmad  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup (komponen pilihan) di sekolah menengah dari aspek pengetahuan dan kemahiran amali. Sampel kajian terdiri daripada 86 orang guru-guru sekolah rendah PKPG, UTM kemasukan sesi 2005-2008. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian ini. Data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 13.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan perbezaan min bagi setiap komponen pilihan dalam aspek yang dikaji. Hasil analisis menunjukkan tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, berada pada tahap sederhana dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga serta Perniagaan dan Keusahawanan manakala komponen pilihan Pertanian berada pada tahap tinggi. Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali responden dalam tiga daripada empat komponen pilihan. Responden lelaki lebih bersedia dalam Kemahiran Teknikal berbanding responden perempuan yang lebih bersedia dalam Ekonomi Rumah Tangga serta Perniagaan dan Keusahawanan manakala, bagi komponen pilihan Pertanian kedua-dua responden bersedia daripada kedua-dua aspek yang dikaji. Dapatan kajian telah dibincangkan dan cadangan-cadangan berkaitan turut dikemukakan dalam laporan ini.

*Katakunci :* pengetahuan dan kemahiran amali, guru PKPG

### **Pengenalan**

Pada dekad terakhir abad ke-20 kita telah menyaksikan perubahan yang pesat dalam sistem pendidikan negara. Pelaksanaan dasar pendidikan diperkukuhkan melalui penggubalan dan pindaan akta dengan menaikkan kelayakan guru-guru daripada sijil perguruan kepada diploma perguruan.

Manakala dalam Dasar Wawasan Negara 2001-2010, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menambahbaik dan memantapkan sistem pendidikan bagi menyediakan 50 peratus guru sekolah rendah dan 100 peratus guru sekolah menengah kepada siswazah terlatih menjelang tahun 2010. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) telah dilaksanakan bagi memenuhi dasar ini, iaitu dengan memberi kelonggaran kepada guru-guru untuk mendapatkan ijazah melalui pelbagai kaedah. (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, 2006)

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang terpilih, telah menawarkan ijazah kepada guru-guru bukan siswazah melalui Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG). Program ini mengambil tempoh selama tiga tahun pengajian iaitu tahun pertama di Institut Perguruan manakala tahun kedua dan ketiga di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Program PKPG dibuka kepada semua guru sekolah menengah dan sekolah rendah serta pegawai-pegawai pendidikan bukan siswazah yang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi merealisasikan Dasar Wawasan Negara untuk menyediakan 100 peratus guru siswazah di sekolah menengah maka peserta program PKPG akan ditempatkan untuk mengajar di sekolah menengah setelah tamat pengajian kelak mengikut pengkhususan masing-masing. Ini termasuklah guru-guru sekolah rendah yang mengikuti program PKPG akan diberi peluang untuk mengajar di sekolah menengah setelah berjaya memiliki ijazah kelak.

## **Penyataan Masalah**

Seramai 126 orang guru telah mengikut program PKPG di UTM dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)ambilan 2005-2008. Mereka terdiri daripada guru-guru yang pernah berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu pernah mengajar di sekolah rendah atau menengah. Guru-guru PKPG ini telah menjalani pengajian tahun pertama di tiga Institut Penguruan iaitu Institut Perguruan Teknik, Institut Perguruan Tun Hussein Onn dan Institut Perguruan Temenggong Ibrahim.

Daripada jumlah 126 orang guru yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) seramai 101 orang guru adalah daripada guru-guru sekolah rendah, 24 orang guru adalah dari sekolah menengah manakala seorang daripada politeknik. (Fakulti Pendidikan UTM)

Berdasarkan sumber yang diperolehi, bilangan guru sekolah rendah adalah lebih tinggi berbanding guru dari sekolah menengah yang mengikuti program PKPG, Kemahiran Hidup. Mereka terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun dan lebih.

Setelah setahun mengikuti pengajian di IPG dan dua tahun di UTM, mereka telah mendapat input pengetahuan dan kemahiran amali dalam tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup. Kemudian ilmu yang diperolehi akan di sampaikan kepada pelajar setelah keluar mengajar kelak. Mengikut Perkeliling bil. JPA(L)S.177/2/10-39/1 Ktl.2(59), guru-guru yang mengikuti program PKPG ini akan di tugaskan mengajar di sekolah menengah kelak. Ini termasuklah guru-guru PKPG dari sekolah rendah.

Salah satu soalan yang sering diajukan ialah, apakah guru yang baik tahu mengenai isi kandungan, kurikulum serta pedagogi dalam bidangnya? Maka dalam kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti tahap kesediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah daripada aspek pengetahuan dan kemahiran amali.

## **Objektif Kajian**

Beberapa objektif kajian telah dirangka sebagai garis panduan ke atas kajian yang dijalankan. Langkah ini perlu supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai sepenuhnya. Antara objektifnya adalah:

1. untuk mengenal pasti tahap kesediaan pengetahuan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perniagaan dan Keusahawanan;
2. untuk mengenal pasti tahap kesediaan kemahiran amali guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian; dan
3. untuk mengenal pasti perbezaan antara tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali responden mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah dalam komponen pilihan mengikut jantina.

## **Kepentingan dan Justifikasi Kajian**

Kajian ini melibatkan tahap kesediaan guru-guru sekolah rendah yang mengikuti program PKPG, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah. Aspek yang dikaji adalah daripada segi pengetahuan dan kemahiran amali yang terkandung dalam tajuk-tajuk dalam sukatan pelajaran komponen pilihan. Antara kepentingan kajian adalah:

**Kementerian Pendidikan Malaysia :** Sebagai maklum balas kepada Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap keberkesanan program PKPG yang telah dilaksanakan. Iaitu untuk mempertingkatkan taraf akademik guru-guru serta mencapai sasaran untuk menyediakan 100 peratus

guru sekolah menengah kepada siswazah terlatih menjelang tahun 2010. Di samping itu memenuhi keperluan guru siswazah di sekolah menengah dalam mata pelajaran kritikal.

**Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.** : Dapat memberi maklum balas kepada Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan UTM tentang perancangan mata pelajaran yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti program PKPG. Selain itu untuk memantau semula kurikulum program PKPG yang telah dilaksanakan serta menilai hasil keluaran guru-guru yang mengikuti program PKPG di UTM dari segi pengetahuan dan kemahiran melakukan kerja amali.

**Guru PKPG** : Dengan adanya kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti tahap kesediaan dan keyakinan guru-guru sekolah rendah yang mengikuti program PKPG, mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah kelak. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru berkenaan melakukan persiapan dari segi pengetahuan dan kemahiran melakukan kerja amali dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.

**Sekolah** : Pihak sekolah dapat mengetahui tahap keyakinan guru-guru sekolah rendah yang mengikuti program PKPG ini bersedia dan relevan dengan keperluan guru sekolah menengah. Hasil kajian ini juga diharap dapat menjadi panduan umum untuk kajian susulan atau kajian yang akan datang.

### **Reka bentuk kajian**

Reka bentuk kajian membantu penyelidik mendapatkan maklumat dan tujuan utama kajian dijalankan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif dengan tujuan mencari kebenaran yang berkaitan dengan persoalan kajian. Penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk penyelidikan yang bertujuan untuk mengumpul maklumat dan menerangkan apa yang sedang berlaku (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Statistik deskriptif yang digunakan ialah dalam bentuk jadual. Persembahan data dalam bentuk frekuensi, peratus dan min adalah lebih mudah difahami oleh pembaca.

Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan data kerana tinjauan boleh mengambil data dalam satu masa tertentu dengan soal selidik (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian ini merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan untuk masa akan datang. Data sekunder dalam kajian ini diperolehi daripada pelbagai sumber bacaan seperti buku-buku rujukan, jurnal, majalah, keratan akhbar, kajian-kajian lepas dan internet.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Sampel dalam kajian ini terdiri daripada 86 orang guru-guru bukan siswazah daripada populasi 101 guru-guru PKPG sekolah rendah yang mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) di UTM Kemahiran Hidup (4SPH) ambilan 2005/2008.

Jumlah pensampelan yang diambil adalah berdasarkan rumusan daripada Bahagian Penyelidikan *National Education Association* seperti yang dilaporkan oleh Krejcie R.V dan Morgan D.W (1970) digunakan bagi menentukan saiz sampel kajian. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), saiz sampel adalah penting kerana ia melambangkan kekuatan kajian. Lebih besar sampel, lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah soal selidik. Ini kerana soal selidik boleh digunakan untuk mengukur tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi pelajaran dan kemahiran amali mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah.

## Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan pada peringkat awal penyelidikan bagi memastikan kefahaman responden tentang kehendak soalan, kejelasan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang diberikan kepada responden.

Kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang responden yang terdiri daripada guru-guru PKPG Kemahiran Hidup dalam tahun 4 SPH di UTM. Mereka telah dipilih secara rawak daripada populasi sebenar. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), kajian rintis adalah satu aktiviti yang penting bagi setiap kajian tinjauan di mana selain menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen, mengenal sampel dan kesesuaian kaedah analisis. Oleh sebab itu, bagi memastikan instrumen kajian yang digunakan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, satu kajian rintis dijalankan sebelum kajian sebenar dilaksanakan.

## Analisis Data

Nilai min bagi responden lelaki dan perempuan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran amali telah dianalisis secara berasingan bagi melihat perbezaan antara kedua-dua kumpulan ini.

**Jadual 1:** Min dan Perbezaan Min Antara Tahap Kesiediaan Pengetahuan Responden Mengikut Jantina.

Komponen Pilihan	Min		Perbezaan Min
	Lelaki	Perempuan	
Kemahiran Teknikal	18.10	16.49	1.61
Ekonomi Rumah Tangga	19.93	23.00	-3.07
Pertanian	19.56	19.80	-0.23
Perniagaan dan Keusahawanan	24.10	26.53	-2.43

Jadual 1 menunjukkan nilai min dan perbezaan min antara jantina dengan tahap kesiediaan pengetahuan responden. Komponen pilihan Kemahiran Teknikal menunjukkan min responden lelaki adalah lebih tinggi daripada responden perempuan iaitu 18.10. Manakala min responden perempuan adalah 16.49. Perbezaan min responden lelaki mengatasi min perempuan adalah sebanyak 1.61. Ini bermakna guru lelaki lebih bersedia daripada aspek pengetahuan berbanding guru perempuan dalam komponen ini.

Bagi komponen pilihan Ekonomi Rumah Tangga, min responden perempuan adalah lebih tinggi daripada responden lelaki iaitu 23.00. Manakala min responden lelaki adalah 19.93 dengan perbezaan min -3.07. Majoriti guru perempuan lebih bersedia daripada aspek pengetahuan berbanding guru lelaki dalam komponen ini.

Bagi komponen pilihan Pertanian, min responden lelaki adalah 19.56 dan perempuan 19.80. Kedua-dua min adalah hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan min yang ketara iaitu -0.23. Ini menunjukkan bahawa guru lelaki dan perempuan mempunyai tahap kesiediaan yang hampir sama dari aspek pengetahuan dalam komponen Pertanian.

Manakala komponen pilihan Perniagaan dan Keusahawanan menunjukkan min responden lelaki adalah 24.10 dan perempuan 26.53 dengan perbezaan min -2.23. Ini bermaksud guru perempuan adalah lebih bersedia berbanding guru lelaki dalam komponen ini.

Kesimpulannya, komponen pilihan Pertanian mempunyai min responden lelaki dan perempuan yang hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan min yang ketara. Manakala komponen pilihan Kemahiran Teknikal dan Ekonomi Rumah Tangga, Perniagaan dan keusahawanan masing-masing mempunyai perbezaan min yang tinggi mengikut jantina.

Untuk menguji sama ada perbezaan min antara lelaki dengan perempuan adalah signifikan atau tidak, ujian t telah dijalankan. Jadual 2, menunjukkan ujian t bagi perbezaan min antara responden lelaki dengan perempuan dari aspek pengetahuan.

**Jadual 2:** Ujian t Bagi Tahap Kesiediaan Pengetahuan Mengikut Jantina.

Komponen Pilihan	t	df	P	Terima dan Tolak hipotesis nol
Kemahiran Teknikal	2.70	79.59	0.00	Tolak
Ekonomi Rumah Tangga	-4.05	81.93	0.00	Tolak
Pertanian	-0.37	81.00	0.78	Terima
Perniagaan dan Keusahawanan	-2.38	83.81	0.02	Tolak

Aras signifikan 0.05

Komponen pilihan Kemahiran Teknikal menunjukkan nilai signifikan  $p=0.00$  iaitu lebih rendah daripada aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan responden perempuan dalam komponen ini. Majoriti responden lelaki lebih bersedia dari aspek pengetahuan berbanding responden perempuan.

Bagi komponen pilihan Ekonomi Rumah Tangga, nilai signifikan menunjukkan  $p=0.00$  dan lebih rendah daripada aras signifikan 0.05. Ini bermaksud terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan responden perempuan dalam komponen pilihan Ekonomi Rumah Tangga. Majoriti responden perempuan lebih bersedia berbanding responden lelaki daripada aspek pengetahuan Ekonomi Rumah Tangga.

Bagi komponen pilihan Pertanian, nilai signifikan menunjukkan  $p=0.07$  iaitu lebih tinggi daripada aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan responden perempuan dalam komponen Pertanian. Tahap kesiediaan pengetahuan responden lelaki dan perempuan adalah sama.

Manakala komponen pilihan Perniagaan dan Keusahawanan menunjukkan nilai signifikan  $p=0.02$  iaitu lebih rendah daripada aras signifikan 0.05. Dengan kata lain terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dengan perempuan dalam komponen ini. Dalam komponen ini, responden perempuan lebih bersedia berbanding responden lelaki.

Hasil ujian t menunjukkan, terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dengan perempuan dalam komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Perniagaan dan Keusahawanan. Manakala komponen pilihan Pertanian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan dari aspek pengetahuan untuk mengajar di sekolah menengah kelak.

## Perbincangan

Kajian ini telah menguji tahap kesiediaan guru-guru PKPG sekolah rendah, mengajar Kemahiran Hidup di sekolah menengah daripada aspek pengetahuan dan kemahiran amali. Tahap kesiediaan pengetahuan dan kemahiran amali yang diuji adalah berdasarkan tajuk-tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup (komponen pilihan). Komponen pilihan terdiri daripada Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan juga Perniagaan dan keusahawanan.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesiediaan pengetahuan guru-guru PKPG sekolah rendah berada pada tahap tinggi dalam komponen pilihan Pertanian. Manakala komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan juga Perniagaan dan Keusahawanan, kesiediaan pengetahuan responden berada pada tahap sederhana.

Dapatan juga mendapati, kesediaan kemahiran amali guru adalah sama dengan kesediaan pengetahuan iaitu komponen pilihan Pertanian berada pada tahap tinggi dan komponen pilihan Kemahiran Teknikal dan Ekonomi Rumah Tangga berada pada tahap sederhana. Daripada hasil ujian t yang dilakukan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran amali dalam komponen pilihan Pertanian. Manakala perbezaan min bagi komponen pilihan Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan juga Perniagaan dan Keusahawanan menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina dengan tahap kesediaan pengetahuan.

Didapati juga dapatan peratus kesediaan antara tahap sederhana dan tinggi bagi kedua-dua aspek yang dikaji adalah hampir sama antara keempat-empat komponen pilihan. Oleh itu, penyelidik telah melakukan perbincangan secara serentak bagi kedua-dua aspek yang dikaji.

## **Rujukan**

- Azizi Yahya, et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn Bhd.
- Azman Wan Chik. (1989). *Kaedah Hayati Amali-Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Thorndike, E.L. (1910). *The Contribution Of Psychology To Education*, Columbia University. 1 Ogos 2007, Atas Talian <http://Psychclassics.Yorku.Ca/Thorndike/Education.Htm>
- Frederick, K. S. (2003). Issues Concerning Teacher Education In The East Asian Region. *Asia-Pacific Journal Of Teacher Education And Development*. Vol.6-Number 2.
- George, B.C. (1952). *The History Of Psychology*, Pennsylvania; Shippensburg University. 26 Ogos 2007, Atas Talian <http://www.ship.edu/~cgboeree/historyofpsych.html> 26 Ogos 2007.
- Kamarudin Hj. Husin. (1993). *Penggunaan Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Khadijah Rohani, Mahani Razali dan Ramlah Jantan. (2005). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Unitem Sdn. Bhd.
- Mohd. Salleh dan Zaidatul Akmaliah. (2001). *Strategi Pengajaran Kemahiran Hidup Perdagangan Dan Keusahawanan KBSM*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2000). *Nota dan Latihan Ilmu Pendidikan, Pendidikan Di Malaysia Dan Psikologi Pendidikan 1*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Norlaila Binti Bulat. ( 2006). *Tahap Kesediaan Kemahiran dan Pengetahuan Pedagogi Guru -Guru PKPG KH Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan 1,2,3 (Semakan)*. Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur.
- Syuhada Choo Abdullah. (1999). *Kursus Khas Guru Bukan Siswazah*. Berita Harian Malaysia. 22 Ogos 2007, Atas Talian <http://161.139.39.251/Akhbar/Teaching/1999/Bh99724.Htm>
- Wan Zakaria Bin Ismail. (1994). *Permasalahan Yang Dihadapi Dikalangan Guru Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah Agama Di Negeri Terengganu*. Thesis (M.Ed) Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- Yahya Abdul Hamid. (1998). *Pengurusan Worksyop*. Selangor: Ibs. Books.
- Yusaini Mohd Yusof. (1998). *Tinjauan Tentang Amalan Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup ( Kemahiran Manipulatif) Di Sekolah Menengah Dari Perspektif Pelajar-Pelajar 4SPH*. Projek Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.